

1. Umum

1.1. Bolt Operations OÜ, beralamat di Vana-Lõuna tn 15, 10134, Tallinn, Estonia, nombor pendaftaran 14532901 (Bolt) ialah penganjur Kempen “Kajian Pemandu Malaysia 2025” (Kempen).

1.2. Kempen ini dianjurkan dalam dua bentuk:

- a. Penyertaan dalam Kajian Pemandu 2025 melalui Borang
- b. Penerimaan Insentif sekali sahaja bagi 50 Peserta pertama yang layak dan berjaya melengkapkan kaji selidik

1.3. Kempen ini akan dijalankan dari 29 Julai 2025 hingga 19 Ogos 2025 (GMT +8) (termasuk) (Tempoh Kempen).

1.4. Hanya penduduk Malaysia yang berumur 18 tahun ke atas (atau mempunyai kapasiti undang-undang penuh di negara kewarganegaraan mereka) (Peserta) layak menerima Insentif, dengan syarat mereka adalah antara 50 Peserta pertama yang melengkapkan dan menghantar borang mengikut arahan.

1.4.1. Tarikh Pelancaran

Negara	Tarikh Mula - Tamat	Pengumuman Insentif
Malaysia	29 Julai 2025 - 19 Ogos 2025	Selepas 50 peserta pertama dikenal pasti

1.5. Prosedur Kempen ditetapkan dalam Terma dan Syarat semasa serta dalam syarat-syarat yang dinyatakan dalam bahan promosi dan bahan tambahan Kempen, yang wajib dipatuhi oleh semua Peserta.

1.6. Pendaftaran awal untuk Kempen tidak diperlukan. Penyertaan dalam Kempen ditakrifkan apabila Peserta mengisi ruangan yang diperlukan dalam Borang yang berkaitan dan menghantarnya. Mengisi dan menghantar Borang Kempen bermaksud Peserta menerima Terma dan Syarat Kempen.

1.7. Pekerja Bolt serta ahli keluarga mereka tidak layak untuk mengambil bahagian.

1.8. Kempen ini bukan satu loteri atau sebarang bentuk perjudian.

1.9. Dengan menghantar Borang, Peserta memberikan kebenaran kepada Bolt untuk menggunakan data tersebut dalam kaji selidik bagi tujuan penyelidikan mengikut budi bicara mutlak Bolt pada bila-bila masa tanpa sebarang pampasan daripada Bolt kepada Peserta, kecuali jika Peserta dipilih sebagai salah seorang daripada 50 peserta pertama yang melengkapkan kaji selidik sepenuhnya dan dengan itu layak menerima Insentif sekali sahaja atas penyertaan mereka.

2. Insentif

2.1. 50 (lima puluh) Peserta pertama yang layak dan berjaya melengkapkan serta menghantar Borang Kajian Pemandu 2025 semasa Tempoh Kempen masing-masing akan menerima kredit RM20 sekali sahaja (Insentif) yang akan dimasukkan terus ke dalam akaun pemandu Bolt mereka.

2.2. Kelayakan akan ditentukan berdasarkan susunan penerimaan borang yang lengkap, seperti yang direkodkan dalam sistem Bolt.

2.3. Untuk layak, jawapan yang dihantar dalam Borang mestilah jelas, relevan dan memberikan

input yang bermakna; penghantaran yang mengandungi jawapan tidak lengkap, tidak relevan atau sekadar pengisi tempat (seperti jawapan satu perkataan, tanda baca, atau kandungan yang tidak masuk akal) boleh dianggap tidak layak mengikut budi bicara mutlak Bolt.

2.4. Setiap Insentif akan dimasukkan terus ke dalam akaun pemandu Bolt milik Peserta. Jumlah kredit tersebut akan menjadi sebahagian daripada baki pendapatan Peserta dan boleh dikeluarkan mengikut proses pembayaran standard Bolt. Jumlah ini tidak tertakluk kepada komisen platform dan akan tersedia sepenuhnya untuk pengeluaran.

2.5. Bolt tidak bertanggungjawab atas kelewatan atau kegagalan dalam memasukkan Insentif akibat maklumat yang tidak tepat atau tidak lengkap yang diberikan oleh Peserta.

2.6. Insentif tidak akan dibayar atau diganti dalam bentuk wang tunai.

2.7. Tiada yuran tersembunyi dikenakan kepada Peserta berkaitan penerimaan Insentif ini.

2.8. Peserta yang menghantar kaji selidik lebih daripada sekali masih hanya layak menerima satu Insentif sahaja.

3. Aktiviti yang Dilarang

3.1. Peserta tidak akan terlibat dalam sebarang aktiviti yang bersifat penipuan, tidak beretika atau menyalahi undang-undang, sebarang aktiviti yang tidak telus kepada Bolt, atau sebarang aktiviti yang secara sengaja atau tidak sengaja menyalahgunakan atau memintas Kempen.

3.2. Peserta juga tidak akan memberikan maklumat palsu atau mengelirukan kepada Bolt (termasuk umur, kapasiti undang-undang dan sebagainya).

3.3. Peserta juga tidak akan memaparkan atau menghantar sebarang bahan (sama ada secara langsung atau tidak langsung, contohnya melalui pautan rujukan atau mana-mana media lain) yang:

3.3.1. tidak sesuai, tidak beretika, mengancam, kasar atau mencerooboh privasi orang lain, atau menyebabkan gangguan, kesulitan atau kebimbangan yang tidak perlu;

3.3.2. berkemungkinan mengganggu, menyusahkan, memalukan, mengejutkan atau menjengkelkan mana-mana individu;

3.3.3. menyamar sebagai mana-mana individu, atau menyalahgambarkan identiti atau hubungan Peserta dengan mana-mana pihak;

3.3.4. memberi gambaran bahawa bahan tersebut datang daripada Bolt melainkan diberikan secara khusus oleh Bolt kepada Peserta untuk tujuan tersebut; atau

3.3.5. menjejaskan reputasi Bolt.

4. Kewajipan

4.1. Dengan menyertai Kempen, Peserta mengesahkan bahawa mereka telah membaca dan bersetuju dengan Terma dan Syarat Kempen.

4.2. Sekiranya berlaku keadaan force majeure, Bolt berhak untuk menghentikan Kempen tanpa notis awal atau sebarang tanggungan. Jika boleh, Bolt akan memberikan notis mengenai pemberhentian tersebut melalui laman web Bolt, komunikasi dengan pelanggan, e-mel dan/atau saluran media sosial.

4.3. Bolt berhak untuk membuat sebarang keputusan berkaitan dengan Kempen, termasuk mengubah dan menambah Terma dan Syarat Kempen secara unilateral, tanpa sebarang notis awal. Bolt akan menerbitkan keputusan tersebut berkaitan Kempen melalui laman web Bolt, komunikasi dengan pelanggan, e-mel dan/atau saluran media sosial.

4.4. Bolt berhak untuk mengeluarkan Peserta daripada Kempen tanpa notis awal sekiranya Peserta melanggar Terma dan Syarat Kempen.

4.5. Bolt tidak bertanggungjawab atas sebarang kesilapan yang disebabkan oleh pihak ketiga yang menghalang Peserta daripada menyertai Kempen.

5. Privasi

5.1. Dalam Kempen ini, Bolt memproses data peribadi Peserta untuk menentukan penyertaan dalam kaji selidik, seperti yang diperlukan untuk memenuhi syarat-syarat Kempen dan melaksanakan kontrak antara Bolt dan Peserta. Selain itu, Bolt mungkin memproses data peribadi anda bagi tujuan menganalisis keputusan Kempen, berdasarkan kepentingan sah kami untuk menambah baik kempen akan datang. Sebagai alternatif, di bidang kuasa di mana persetujuan adalah asas sah satu-satunya untuk pemrosesan, kami akan bergantung kepada persetujuan anda.

5.2. Data peribadi yang diproses hanya merangkumi data peribadi yang diberikan oleh Peserta dalam Borang Kempen, seperti nama penuh dan nombor kad pengenalan mereka.

5.3. Bolt mungkin berkongsi data peribadi Peserta dengan entiti lain dalam kumpulan Bolt, penyedia perkhidmatan storan awan dalam talian, dan perkhidmatan IT penting yang lain. Sekiranya Bolt menerima permintaan undang-undang daripada pihak berkuasa awam, ia mungkin juga diwajibkan untuk berkongsi data peribadi Peserta dengan pihak tersebut.

5.4. Apabila Bolt berkongsi data Peserta di luar EU atau EEA, pemindahan data peribadi tersebut hanya akan dilakukan di bawah keputusan kecukupan yang diterima pakai oleh Suruhanjaya Eropah atau berdasarkan perlindungan yang sesuai seperti klausa kontrak piawai. Butiran mengenai perlindungan ini boleh diminta di privacy@bolt.eu.

5.5. Peserta mempunyai hak untuk meminta akses, pembetulan atau pemadaman data peribadi, atau sekatan pemrosesan data peribadi, atau untuk membantah pemrosesan serta hak kepada kebolegunaan data (data portability). Di mana data peribadi Peserta diproses berdasarkan persetujuan, Peserta mempunyai hak untuk menarik balik persetujuan tersebut pada bila-bila masa tanpa menjejaskan kesahihan pemrosesan berdasarkan persetujuan sebelum penarikannya. Sekiranya terdapat kebimbangan privasi yang belum diselesaikan, Peserta berhak untuk membuat aduan kepada pihak berkuasa perlindungan data.

5.6. Anda boleh menggunakan borang ini (<https://bolt.eu/en/privacy/data-subject/>) untuk menghantar permintaan berkaitan data peribadi anda atau hubungi Pegawai Perlindungan Data (DPO) kami di privacy@bolt.eu.

5.7. Bolt akan menyimpan data peribadi Peserta yang dikumpulkan semasa Kempen hanya selama yang diperlukan untuk memenuhi tujuan Kempen dan mematuhi kewajipan undang-undang yang berkenaan, tetapi tidak melebihi enam (6) bulan dari tamat Tempoh Kempen. Selepas tempoh ini, Bolt akan memadam atau menganonimkan sepenuhnya data peribadi tersebut, bagi memastikan data tersebut tidak lagi boleh digunakan untuk mengenal pasti mana-mana individu. Data yang telah dianonimkan dan diagregatkan mungkin akan disimpan dan digunakan oleh Bolt untuk analisis dalaman dan tujuan penyelidikan, tanpa pemberitahuan lanjut atau pampasan kepada Peserta.

5.8. Untuk maklumat lanjut tentang cara Bolt memproses data peribadi, sila rujuk notis privasi kami di <https://bolt.eu/en/privacy/>.

6. Hubungi Bolt

6.1. Segala aduan dan pertanyaan yang berkaitan dengan pengumuman Kempen hendaklah dikemukakan kepada Bolt melalui e-mel giveaways@bolt.eu atau melalui pos ke alamat Bolt Operations OÜ, Vana-Lõuna tn 15, Tallinn, 10134 sepanjang Tempoh Kempen. Bolt tidak akan memproses sebarang aduan berkaitan Kempen yang dihantar selepas Tempoh Kempen tamat.